

## VARIA

**Sudut Pandang**

Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN Pakar Sosial dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia



**M**AJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan sebuah badan atau organisasi yang dilantik melalui pemilihan pada setiap tahun. Pelajar yang berminat dan memenuhi kriteria boleh memohon untuk menjadi calon MPP.

Pelajar yang berjaya menjadi calon MPP dikehendaki mengikuti beberapa kursus sebelum mereka dibenarkan berkempen dan bertanding pada hari pemilihan MPP.

Pelajar yang berjaya mendapat undi terbanyak melalui kerusi fakulti atau umum akan diisyiharkan sebagai pemenang dalam pemilihan itu.

Di Universiti Putra Malaysia (UPM), jumlah kerusi yang dipertandingkan pada pemilihan MPP ialah sebanyak 45 kerusi. Daripada jumlah itu, 34 kerusi yang dipertandingkan ialah kerusi fakulti, manakala baki 11 kerusi ialah calon umum.

Calon yang berjaya memenangi kerusi itu akan dilantik dan ditauliahkan sebagai ahli MPP untuk menjadi pemimpin pelajar dalam tempoh satu tahun mengikut kalender akademik UPM.

Majlis pentaulahan MPP UPM yang terkini telah dilaksanakan oleh Naib Canselor, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris pada Oktober lalu.

Selepas hampir tiga bulan menjadi pemimpin, barisan MPP UPM berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membantu pelajar mencapai matlamat utama mereka berada di universiti iaitu cemerlang akademik dan sahsiahan diri.

Selain itu, barisan MPP UPM berjaya mengusulkan pelbagai pembangunan dan kemudahan untuk kegunaan pelajar.

Komitmen dan usaha berterusan barisan MPP UPM membantu serta menjaga kebajikan pelajar mendapat sokongan padu daripada pihak pengurusan universiti.

Antara tiga komitmen utama MPP dalam membantu dan menjaga kebajikan pelajar UPM ialah kecemerlangan akademik, kemudahan infrastruktur dan kualiti makanan.

Tiga komponen ini merupakan perkara yang menjadi agenda utama perjuangan MPP UPM semenjak pelantikan dan pentaulahan mereka.

**Kecemerlangan akademik**

Kecemerlangan akademik merupakan agenda utama setiap pelajar. Kesedaran mengenai kepentingan akademik diterapkan



MPP UPM komited membangunkan infrastruktur selesa untuk kemudahan pelajar termasuk laluan berbasikal.



KESEDIAAN MPP UPM untuk membantu pelajar menjadi teras kepimpinan mereka di universiti.

# MPP UPM komited bantu mahasiswa



KEBAJIKAN pelajar menjadi keutamaan MPP UPM seperti menyediakan pengangkutan bas.

kepada setiap pelajar bermula hari pertama berada di universiti lagi.

Sebagai barisan kepimpinan pelajar, MPP melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang selari dengan hasrat serta agenda UPM.

Antara program akademik MPP UPM yang berjaya menarik minat pelajar ialah UPM Talks.

Program UPM Talks dilaksanakan hasil kerjasama Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej (MTM) dan MPP UPM.

Pengisian utama program ini ialah perkongsian pengalaman dan ceramah mengenai kecemerlangan akademik pelajar sepanjang pengajian mereka.

Pelbagai tip dan strategi pembelajaran berkesan dikongsi pada sesi ini. Sehingga kini, sebanyak

empat siri UPM Talks berjaya dilaksanakan. UPM Talks siri lima akan dilaksanakan di semester dua iaitu pada awal tahun 2017.

**Kemudahan infrastruktur**

MPP UPM juga sangat komited untuk memastikan setiap pelajar menikmati kemudahan infrastruktur yang baik sepanjang pengajian mereka. Antara kemudahan infrastruktur yang berjaya di usahakan ialah pejalan kaki berbumbung, laluan berbasikal dan peningkatan liputan Wi-Fi di kolej kediaman.

Selain daripada itu, MPP UPM juga berusaha untuk membantu pihak universiti supaya kolej kediaman dinaik taraf sama ada dalam aspek kebersihan dan keselesaan agar pelajar yang mendiami kolej yang terlibat menjadi lebih selesa serta ceria.

Selain itu, pihak MPP UPM sentiasa memantau kemudahan dan jadual perjalanan bas yang disediakan oleh pihak UPM agar pelajar dapat pergi dan pulang daripada kuliah dalam keadaan yang lebih selesa.

**Kualiti makanan**

Isu kenaikan harga makanan menjadi topik perbincangan, bukan sahaja dalam kalangan masyarakat kampus tetapi turut dibincangkan oleh masyarakat umum di negara ini.

UPM juga tidak terkecuali dalam perkara ini. Kenaikan harga makanan memberi impak secara terus kepada pelajar. Sebagaimana

pemimpin, MPP UPM mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan harga makanan di dalam kampus dijual pada harga yang berpatutan.

Bagi mencapai matlamat itu, pihak MPP UPM sentiasa membuat pemantauan terhadap semua premis makanan yang menjalankan operasi mereka di universiti ini.

Premis yang menjual makanan pada kadar yang mahal akan dilaporkan kepada pihak pengurusan universiti untuk tindakan lanjut.

Pihak MPP UPM turut mewujudkan jawatankuasa makanan untuk tujuan pemantauan secara berterusan.

**Rumusan**

Tanggungjawab MPP di setiap universiti merupakan satu tugas berat dan memerlukan komitmen yang berterusan. Selain daripada tugas dan tanggungjawab itu, MPP UPM juga bertindak sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan universiti.

Sehingga kini, barisan MPP UPM berjaya melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka dengan jayanya.

Komitmen dan kesungguhan mereka secara berterusan di samping sokongan padu daripada pihak pengurusan universiti membolehkan pelbagai inisiatif MPP UPM berjaya dilaksanakan.

Semoga MPP UPM terus komited membantu pelajar agar kejayaan dan kecemerlangan yang diidamkan dapat dicapai dengan jayanya.